

KEFAHAMAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERHADAP
PERMASALAHAN GANGGUAN SEKSUAL : SATU TIRJAUAN DI
KALANGAN PELAJAR KUITTHO



PTTAUTHM
ROHAILA BINTI ABDULLAH TUN AMINAH
PERPUSTAKAAN

LC
212.863
.M3
.R63
2002
ra

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUITTHO



3 0000 00175251 0

2023/6/1

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: KEFAHAMAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERHADAP PERMASALAHAN GANGGUAN SEKSUAL : SATU TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR KUITTHO.

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya ROHAILA BINTI ABDULLAH:

Mengaku membenarkan tesis (PSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

179, Jln. Pinggiran Bayu 2/6A
Desa Pinggiran Bayu
71700 Mantin
Negeri Sembilan

ENCIK ABDUL TALIB BIN BON

Tarikh : 20 hb September 2002

Tarikh : 20 hb September 2002

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

**KEFAHAMAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERHADAP
PERMASALAHAN GANGGUAN SEKSUAL : SATU TINJAUAN DI
KALANGAN PELAJAR KUiTTHO**

ROHAILA BINTI ABDULLAH



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

September, 2002

PENGAKUAN PELAJAR

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.



Tandatangan :
Nama Penulis : Rohaila Binti Abdullah
Tarikh : 3 September 2002

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Rohaila Binti Abdullah".

DEDIKASI

Untuk Abah, Mak, Abang, Afiqah dan Afifah

Terima kasih yang tak terhingga.....



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM

Ribuan terimakasih diucapkan kepada pembimbing projek Tuan Haji Abdul Talib Bin Bon, Pensyarah di Fakulti Kejuruteraan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, di atas kesabaran dan tunjuk ajar yang telah diberikan dalam menyiapkan projek sarjana ini. Terima kasih juga buat Dr. Anne, yang telah memberikan tunjuk ajar dalam Statistik dan Dr. Zuza di atas maklumat mengenai kepentingan *framework*.

Tidak lupa ucapan terima kasih buat Zakiah, Nurul dan semua kawan-kawan yang membantu dari segi teknikal dan memberikan idea di sepanjang tempoh penyiapan projek sarjana ini.

ABSTRAK

Beberapa tahun kebelakangan ini di Malaysia, kita sering didedahkan dengan isu gangguan seksual. Kewujudan Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja, membantu mempercepatkan lagi kesedaran masyarakat mengenai kewujudan isu ini. Gangguan seksual merupakan antara masalah sosial yang semakin dibimbangi kerana kesannya terhadap mangsa sangat serius sehingga ada yang mengalaminya sanggup berhenti kerja bagi mengelakkannya daripada terus berulang. Walau bagaimanapun agak sukar untuk menangani masalah ini kerana rata-rata tidak ramai yang menganggapnya penting melainkan mereka yang terlibat dan menjadi mangsa kejadian. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui mengenai kefahaman pelajar institusi pengajian tinggi mengenai pemasalahan gangguan seksual. Ini dilakukan bagi tujuan mengenalpasti sama ada mereka mempunyai maklumat dan pengetahuan yang berkaitan atau tidak. Golongan pelajar adalah pelapis masyarakat, jika pada peringkat ini kesedaran telah wujud nescaya permasalahan ini mudah untuk dibendung. Pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn merupakan responden dan mereka dikehendaki menjawab soal selidik yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu demografi, kejadian gangguan seksual, konsep gangguan seksual, penerimaan terhadap permasalahan gangguan seksual dan pengetahuan mengenai undang-undang yang berkaitan dengan gangguan seksual. Melalui analisa dan keputusan didapati bahawa wujud perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempersepsikan gangguan seksual itu sendiri. Selain itu rata-rata pelajar kurang mengetahui mengenai tingkah laku–tingkah laku yang dikategorikan sebagai gangguan seksual. Ini menunjukkan tahap kefahaman pelajar mengenai isu ini masih rendah.

ABSTRACT

A last few years have seen an increasing a number of sexual harassment cases in Malaysia. Ethical Code For Prevention The Sexual Harassment In Work Place that has been implemented help the Malaysian to better understand and increase their awareness regarding this issue. Sexual harassment is among the social problem that give the serious impact to the victim and in certain cases the victim quit their job to make sure that they don't have to faces with the problem anymore. However it is difficult to solve the problem because a lot of people do not recognize it as a serious thing unless they are one of a victim. This study is made to find out whether the student has the knowledge regarding sexual harassment or not. Student is a future leader, if they have adequate knowledge regarding the issue, it is easier to prevent the problem. Student in Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn is chose to be a respondent and need to answer a set of questionnaire. The questionnaire is consist of five part which is background, sexual harassment cases, sexual harassment concept, accepting the behaviors which is categorized as sexual harassment, and knowledge about a law regarding sexual harassment. From the analysis and result there are subtle differences in the way males and females interpret sexual harassment. Another thing is most of the student not really know about the behaviors that are categorized as sexual harassment. This shows that the knowledge regarding this issue among the student is low.

ISI KANDUNGAN

BAB

MUKA SURAT

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN PELAJAR	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
 1 PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Masalah	3
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Skop Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Objektif Kajian	10
1.7 Hipotesis Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.9 Istilah	13

2	SOROTAN PENULISAN	16
	2.1 Pengenalan	16
	2.2 Model dan Teori-teori berkaitan	17
	2.3 Undang-undang Berkaitan Gangguan Seksual	20
	2.4 Sejarah Gangguan Seksual	22
	2.5 Persepsi Individu Terhadap Gangguan Seksual	23
	2.6 Kesan Gangguan Seksual Terhadap Mangsa	25
	2.7 Kajian-kajian Lepas Di Malaysia	27
3	METODOLOGI KAJIAN	29
	3.1 Pengenalan	29
	3.2 Rekabentuk Kajian	30
	3.3 Populasi dan Sampel Kajian	30
	3.4 Responden Kajian	31
	3.5 Instrumen Kajian	31
	3.6 Kaedah Pengumpulan dan Pengelolaan Data	33
	3.7 Kronologi Kajian	36
	3.8 Kajian Rintis	37
	3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan	37
	3.10 Laporan Kajian Rintis	38
	3.11 Kaedah Penganalisaan Data	39
4	TEMUAN KAJIAN DAN PERUMUSAN HASIL KAJIAN	40
	4.1 Pengenalan	40
	4.2 Analisis Data Mentah	40
	4.3 Analisis Deskriptif Menggunakan Skor Min	45

4.4	Analisis Deskriptif Menggunakan Kekerapan Berdasarkan Umur : Kejadian Gangguan Seksual	50
4.5	Analisis Deskriptif Menggunakan Kekerapan : Kejadian Gangguan Seksual	52
4.6	Perumusan Kajian	53
5	KESIMPULAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	60
5.1	Pengenalan	60
5.2	Perbincangan dan Rumusan Kajian	60
5.3	Kesimpulan	65
5.4	Cadangan Untuk Menangani Masalah	67
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	68
A	- Data Kajian Rintis	
B	- Borang Soal Selidik	
C	- Ujian-t (Hipotesis 1)	
D	- Ujian-t (Hipotesis 2)	
E	- ANOVA sehala (Hipotesis 3)	
F	- ANOVA sehala (Hipotesis 4)	

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kronologi Kajian	36
3.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian Rintis	38
4.1	Jadual kekerapan mengikut jantina	41
4.2	Jadual kekerapan mengikut umur	42
4.3	Jadual kekerapan mengikut bangsa	43
4.4	Jadual kekerapan mengikut status	43
4.5	Jadual kekerapan mengikut kursus	44
4.6	Jadual kekerapan mengikut tempat tinggal	45
4.7	Taburan Skor Min	45
4.8	Statistik Deskriptif : Kejadian gangguan seksual	46
4.9	Jadual Statistik Deskriptif : Konsep gangguan seksual	47
4.10	Statistik Deskriptif : Penerimaan pelajar terhadap perbuatan gangguan seksual	48
4.11	Statistik Deskriptif : Pengetahuan undang-undang berkaitan gangguan seksual	50
4.12	Kekerapan berdasarkan umur : Kejadian gangguan seksual	51
4.13	Jadual taburan kekerapan : Kejadian gangguan seksual	52

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model untuk meramalkan gangguan seksual yang dilaporkan	17



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masalah sosial ibarat kanser yang merebak secara sedikit demi sedikit dan apabila sampai ke peringkat parah, penyakit ini sukar diubati dan boleh membawa maut (Berita Harian, 12 Julai 2000). Bezanya, penyakit sosial merebak lebih cepat daripada kanser yang mengambil masa agak lama untuk matang sebelum dapat dikesan kewujudannya dalam tubuh seseorang. Berdasarkan arah aliran penyakit sosial alaf ini, ia begitu mudah berjangkit hingga menyebabkan ramai yang terkena tempias simptomnya. Berbanding kanser yang masih boleh diperlakukan proses pembiakkannya hasil perubatan moden, penyakit sosial yang disebabkan oleh keruntuhan moral amat payah untuk dicari penyelesaiannya, walaupun perkara ini menjadi topik perbualan dan kebimbangan semua pihak. Masalah sosial wujud apabila terdapat kumpulan yang berpengaruh mendakwa keadaan sosial tertentu akan membentuk masalah yang memberi kesan kepada orang ramai dan ia perlu diselesaikan atau ditangani dengan cara tertentu (Zastrow , 2000). Menurut Presiden Persatuan Psikologi Malaysia (Pesima) Profesor Dr. Mahmood Nazar Mohamed dalam Berita Harian bertarikh 31 Julai 2001, terdapat

pelbagai masalah sosial di dunia ini seperti keruntuhan akhlak, keganasan rumah tangga, perceraian, penagihan dadah, kes bunuh, kes rogol dan kes rompak yang biasanya berpunca daripada perlakuan negatif yang dilakukan pada peringkat usia remaja yang pada mulanya dianggap kecil. Antaranya ialah ponteng sekolah, vandalisme, membaca dan menonton bahan lucah. Biasanya apabila seseorang individu membaca atau menonton bahan lucah, keinginan mereka terhadap seks akan menjadi lebih tinggi. Bagi mengeluarkan keinginan ini pelbagai perkara yang dilakukan oleh mereka antaranya mengganggu orang lain dalam bentuk usikan, siulan, jenaka berunsur lucah serta merenung dan menyentuh bahagian tertentu badan orang lain seperti dada dan punggung. Biasanya gangguan ini dialami oleh perempuan namun lelaki juga tidak berkecuali. Terdapat juga lelaki yang mengalami gangguan seumpama ini (Sabitha Merican, 2001). Jika pengganggu ini selalu melakukan perkara seumpama ini, ia akan menjadi suatu kebiasaan kepada dirinya walaupun mereka telah bekerja dan berumahtangga. Sikap suka berbicara soal seks atau tabiat suka menyentuh badan orang lain ini dikenali sebagai gangguan seksual atau *sexual harassment*. Jika gangguan seksual ini tidak ditangani mungkin ia akan berubah menjadi jenayah seksual.

Gangguan seksual boleh didefinisikan sebagai apa juu bentuk pertuturan yang tidak dikehendaki di dalam pelbagai bentuk seperti bahasa-bahasa lucah, jenaka-jenaka lucah, ucapan atau pernyataan yang berunsurkan seks dan permintaan seksual sama ada secara langsung atau tidak. Selain itu gangguan seksual juga melibatkan sebarang tingkah laku sama ada secara gerak isyarat atau sentuhan fizikal ke atas tubuh badan dengan sengaja seperti menyentuh punggung dan payudara. Gangguan seksual ini sebenarnya berlaku di seluruh dunia. Di Amerika contohnya terdapat akta (Title VII of the Civil Rights Act of 1964) yang membolehkan mangsa mendakwa orang yang melakukan gangguan seksual terhadap dirinya. Di Malaysia pula pada 17 Ogos 1999, kerajaan telah melancarkan satu ‘Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja’. Kewujudan masalah gangguan seksual ini telah menyumbang kepada pertambahan bilangan masalah sosial yang sedia ada dan jika terus diabaikan akan mengakibatkan implikasi buruk terhadap masyarakat dari segi moral,

kesihatan mental dan negara. Oleh itu satu penyelesaian yang tegas, serius dan jujur diperlukan demi keadilan sosial di negara kita yang demokrasi, berdaulat dan merdeka ini.


1.2 Latar Belakang Masalah

Masalah gangguan seksual telah lama wujud dan terus berlaku sehingga ke hari ini. Menurut Noor Hazani (2002), berdasarkan satu kajian yang telah dilakukan pada tahun 1999, didapati banyak kes gangguan seksual yang tidak dilabelkan sedemikian kerana masyarakat umum tidak jelas mengenai apa yang dimaksudkan dengan istilah tersebut. Hasil dari kajian yang dilaporkan ini, menunjukkan bahawa terdapat hanya 5.2% lelaki dan 30% wanita yang menyatakan mereka pernah mengalami gangguan seksual sedangkan sebenarnya 83.1% lelaki dan 87.8% wanita pernah mengalaminya. Sebenarnya terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan gangguan seksual sukar dibasmi dan terus berlaku sehingga ke hari ini antaranya ialah budaya masyarakat, sikap wanita, kuasa yang dimiliki oleh pengganggu dan masalah dalam diri pengganggu itu sendiri.

1.2.1 Budaya masyarakat

Perkataan ‘budaya’ mengikut Kamus Dewan (1998) bermaksud tamadun atau peradaban yang merujuk kepada ciri-ciri kehalusan akhlak dan berdaya maju. Ia mendasari kehidupan sesebuah masyarakat. Budaya juga merujuk kepada kelakuan manusia berdasarkan kelompok-kelompok tertentu yang merangkumi aspek pemikiran.

sikap, kepercayaan dan tindakan kebiasaan yang menggambarkan cara hidup mereka sehari-hari. Masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu mempunyai sistem adab yang terdiri dari kelakuan yang perlu dipatuhi oleh setiap peringkat generasi. Perkara ini sangat ketara bagi isu yang berkaitan dengan seks di mana masyarakat mempunyai sikap yang tertutup apabila menyentuh isu-isu sebegini. Sikap ibu bapa yang menganggap semua perkara yang berkaitan dengan seks adalah taboo yang tidak boleh dibincangkan secara terbuka memburukkan lagi keadaan ini. Oleh itu apabila seseorang individu menjadi mangsa gangguan seksual, mereka akan merasa malu untuk memberitahu ibu bapa dan teragak-agak untuk berkongsi masalah dengan masyarakat kerana bimbang mereka akan dipersalahkan. Tindakan mangsa yang lebih suka mendiamkan diri atau bercakap sesama sendiri menyebabkan masalah ini tidak dipandang serius. Selain itu wujudnya anggapan masyarakat bahawa mangsa adalah mereka yang bersalah iaitu penyebab kepada sesuatu kejadian itu boleh berlaku menyebabkan masalah ini berterusan tanpa penyelesaian.



1.2.2 Wanita dan lelaki

Sikap wanita itu sendiri yang sukakan keindahan dan kecantikan memberi ruang kepada gangguan seksual untuk terus berlaku. Sesetengah wanita yang suka memakai pakaian yang mendedahkan bahagian-bahagian tubuh atau mengikut bentuk badan biasanya akan menarik perhatian lelaki atau wanita yang lain untuk merenung mereka. Bentuk badan seseorang wanita atau lelaki, kadang kala juga mampu untuk menaikkan nafsu individu yang melihatnya. Walau bagaimanapun ini bukanlah satu alasan yang boleh digunakan untuk membolehkan seseorang individu untuk melakukan apa juga bentuk gangguan seperti sentuhan fizikal, kata-kata lucah yang menggambarkan keinginan seksnya terhadap seseorang individu yang lain sehingga menyebabkan mangsa merasa tidak selesa.

Walaupun definisi gangguan seksual telah dijelaskan tetapi agak sukar bagi lelaki dan wanita untuk mengenalinya jika sesuatu pertuturan atau tingkah laku itu adalah gangguan seksual atau tidak kerana lelaki dan wanita mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Ramai lelaki yang merasa seronok dengan keadaan atau situasi seksual dan beranggapan wanita juga mempunyai pemikiran yang sama. Ada sesetengah lelaki berpendapat, menulis surat cinta yang berunsurkan seks adalah perkara biasa tetapi bagi wanita ia adalah sesuatu yang menakutkan dan boleh memberikan kesan yang negatif seperti tekanan perasaan dan fikiran terganggu.

1.2.3 Kuasa

Kuasa merujuk kepada individu yang diberikan hak untuk melakukan atau menentukan sesuatu. Kebanyakkan kakitangan yang menjadi mangsa gangguan seksual adalah mereka yang berada di bawah bidang kuasa penganggu mereka. Apabila berada di dalam situasi sebegini, mangsa akan merasa takut dipandang serong jika membuat aduan kepada kakitangan yang lain. Selain itu mangsa juga bimbang akan kemungkinan mereka disisihkan oleh rakan sekerja iaitu rakan sekerja mungkin takut jika mereka melibatkan diri secara langsung, pekerjaan mereka akan turut terjejas. Oleh itu ramai kakitangan yang menolak untuk menyokong mangsa walaupun ada di antara mereka yang pernah menjadi mangsa gangguan seksual atau mengetahui akan kewujudan masalah tersebut.

Pada kebiasaananya seseorang individu itu bekerja kerana ingin meningkatkan taraf hidup sedia ada kepada yang lebih baik, stabil dan terjamin. Atas faktor ini maka jika mereka menjadi mangsa mereka akan terus bekerja seperti tiada apa-apa yang berlaku dan tidak mahu berhenti kerja kerana mereka memerlukan pendapatan untuk menyara hidup keluarga. Terdapat juga keadaan di mana mangsa merasa kasihan

kepada pengganggu iaitu jika aduan dibuat terdapat kemungkinan pengganggu akan dikenakan tindakan tatatertib atau dibuang kerja. Pada kebiasaannya, wanita adalah makhluk yang mudah merasa bersalah oleh itu mereka tidak mahu menyesal jika salah dalam membuat keputusan. Tindakan sebegini sebenarnya memberi ruang dan peluang kepada pengganggu untuk terus mengeksplotasikan keadaan dan diri mangsa itu sendiri.

1.2.4 Psikologi

Terdapat juga kemungkinan seseorang itu menjadi mangsa kerana pengganggu tidak merasa hormat terhadap diri mangsa. Wujud juga keadaan di mana mangsa tidak mempunyai keyakinan diri atau mempunyai perasaan rendah diri yang tebal menyebabkan mereka menyalahkan diri sendiri kerana menjadi penyebab terjadinya usikan dan komen lucah terhadap diri mereka. Sesetengah mangsa berpendapat mereka mungkin menyalahafsirkan maksud perkataan yang mereka dengari. Tetapi terdapat juga keadaan di mana seseorang individu itu mengalami ketagihan seksual iaitu mereka cuba untuk mencari suatu tahap kepuasan seksual di luar diri mereka sendiri. Jika ini yang berlaku mereka akan mengganggu individu yang lain dengan membuat memberikan komen-komen ke arah perkara-perkara seksual, membuat panggilan lucah dan menunjukkan gambar-gambar lucah.

1.3 Pernyataan Masalah

Hari ini terlalu banyak masalah sosial yang dilaporkan di akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Berita Harian bertarikh 19 November 2001 telah melaporkan bahawa seramai enam orang pekerja wanita di sebuah hotel di Pulau Pinang meletakkan jawatan atau dipecat kerana membuat dakwaan berhubung gangguan seksual membabitkan pengurus besar di hotel berkenaan. Apabila ini berlaku mangsa mungkin akan merasa lebih tertekan disebabkan mereka telah kehilangan punca pencarian. Kejadian seperti ini akan menyebabkan bilangan individu yang mengalami tekanan dan stress terus meningkat. Stress biasanya dialami akibat dari persekitaran yang tidak selesa. Ketidakselesaan ini jika berterusan boleh menyebabkan seseorang individu mengalami kemurungan yang akhirnya jika tidak diubati akan menjadi lebih parah. Berdasarkan kajian oleh Kementerian Kesihatan sebagaimana yang dilaporkan di dalam Berita Harian bertarikh 10 Januari 2002, 10 peratus penduduk di negara ini mempunyai masalah kesihatan mental. Daripada jumlah itu, hanya 1 peratus pesakit yang dapat dikesan dan jumlah ini termasuk mereka yang kelihatan berkeliaran di jalan raya dan bercakap seorang diri.

Bagi individu yang mengalami gangguan seksual tetapi mendiamkan diri sahaja atau memendamkannya pasti akan merasa tidak selesa untuk meneruskan pekerjaannya. Sedikit sebanyak prestasi kerja mereka tentu turut terjejas disebabkan ketiadaan semangat untuk hadir ke tempat kerja. Selain itu mereka juga akan terdorong untuk ponteng dan sering mengambil cuti sakit. Jika ini berlaku ia akan merugikan syarikat di mana individu terbabit bekerja. Mengikut Lawler (1973), apa yang berlaku kepada individu-individu semasa hari bekerja mempunyai kesan-kesan yang amat kuat kepada kehidupan individu dan masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu sebarang kejadian negatif seperti masalah gangguan seksual tidak boleh dipandang ringan jika inginkan setiap individu mempunyai kehidupan yang berkualiti.

Kenapa masalah ini terus berlaku ? Adakah disebabkan masyarakat di negara ini khususnya golongan pelajar yang akan menjadi pelapis negara dan bakal pekerja tidak mempunyai pengetahuan mengenai masalah gangguan seksual menyebabkan isu ini terus-terusan dipandang remeh dan kurangnya pengetahuan ini mengakibatkan mereka tidak dapat membezakan di antara gurauan dan gangguan yang dilakukan terhadap diri mereka ?, atau budaya masyarakat kita yang tidak suka menghebohkan isu-isu yang berkaitan diri mereka dan perasaan malu yang menebal di dalam diri menyebabkan mangsa lebih suka mendiamkan diri ?, atau sikap terbuka yang diamalkan akibat dari pengaruh barat atau kesan globalisasi ini menyebabkan pelajar yang sememangnya berpengetahuan tentang masalah gangguan seksual dapat menerima permasalahan ini dengan tangan terbuka ? Bagaimanakah cara untuk memastikan gejala ini dapat dibendung ?

Para pelajar dipilih sebagai responden kerana mereka merupakan pelapis negara yang akan keluar dari institusi dan mencari pekerjaan dan seterusnya menjadi pekerja. Jika mereka telah mempunyai maklumat dan kesedaran mengenai gejala gangguan seksual, mungkin gejala ini dapat dikurangkan dan akhirnya dibasmi. Yang Bhg. Datin T. D. Ampikaipakan, seorang tokoh dari Badan Bukan Kerajaan (NGO) berpendapat adalah penting bagi semua lapisan masyarakat mempunyai maklumat mengenai perkara ini kerana jika mereka bermaklumat mereka lebih bersedia untuk membantu mangsa dan tidak akan mengambil sikap tidak peduli atau menganggap sikap mangsa sendiri yang mengundang gangguan-gangguan itu. Selain itu mereka juga akan lebih mengetahui mengenai hak mereka iaitu jika mereka merasa telah menjadi mangsa gangguan seksual serta tahu apakah tindakan yang perlu diambil untuk mengatasinya. Sementara Salleh Buang (1999) pula menyatakan maklumat juga diperlukan supaya mangsa dapat menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu merupakan gangguan seksual ataupun tidak. Untuk itu dua perkara ini perlu diberi perhatian iaitu pertama, niat orang yang mengganggu dan kedua, sejauhmana perbuatannya itu mewujudkan satu persekitaran yang tidak selesa bagi orang yang diganggu ?. Ketiadaan gangguan seperti ini akan mewujudkan suasana dan persekitaran tempat kerja yang harmoni dan seterusnya dapat membantu meningkatkan produktiviti.

1.4 Skop Kajian

Ini hanyalah kajian kes sahaja. Skop kajian ini ditumpukan kepada aspek kefahaman pelajar mengenai konsep gangguan seksual, undang-undang yang berkaitan dan persepsi mereka atau penerimaan mereka terhadap perbuatan ini. Responden-responden terdiri dari 290 orang pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), lelaki dan wanita yang dipilih secara rawak yang dapat mewakili pelajar KUiTTHO secara keseluruhan. Lingkungan umur responden adalah di antara 18 - 35 tahun, iaitu pelajar yang sedang mengikuti program Diploma, Ijazah dan Sarjana di KUiTTHO.

1.4.1 Batasan Kajian

Segala dapatan daripada kajian ini hanya boleh digunakan untuk menunjukkan pengetahuan atau kefahaman pelajar di KUiTTHO sahaja. Ia tidak boleh dianggap sama dengan pelajar-pelajar di tempat lain melainkan jika wujud keadaan dan faktor-faktor yang sama dengan tempat kajian sebagaimana yang telah dijalankan di KUiTTHO.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat 4 persoalan yang hendak dijawab di dalam melakukan kajian ini iaitu :

1. Adakah wujud perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam memahami konsep gangguan seksual ?
2. Adakah wujud perbezaan antara pelajar yang tinggal di asrama dan yang tinggal di luar kampus dalam menerima perlakuan gangguan seksual ?
3. Adakah wujud perbezaan berdasarkan kelayakan akademik (Sarjana, Ijazah dan Diploma) dalam memahami konsep gangguan seksual ?
4. Adakah wujud perbezaan berdasarkan kelayakan akademik (Sarjana, Ijazah dan Diploma) pelajar dan pengetahuan undang-undang berkaitan gangguan seksual di Malaysia ?

1.6 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dibuat adalah untuk meninjau mengenai kewujudan maklumat mengenai isu gangguan seksual di kalangan para pelajar. Objektif secara khusus adalah seperti berikut :-

- a. Untuk meninjau kefahaman dan pengetahuan pelajar mengenai konsep gangguan seksual

- b. Untuk meninjau pengetahuan pelajar tentang undang-undang berkaitan gangguan seksual di Malaysia
- c. Untuk meninjau lingkungan umur pelajar yang paling ramai mengalami gangguan seksual
- d. Untuk meninjau bentuk-bentuk gangguan seksual yang biasa berlaku di kalangan pelajar
- e. Untuk menentukan hubungan di antara penerimaan pelajar terhadap masalah gangguan seksual dan tempat tinggal semasa pengajian

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis untuk kajian ini adalah :

- a. H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan mengenai konsep gangguan seksual bagi pelajar lelaki dan perempuan di KUiTTHO

H_A : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan mengenai konsep gangguan seksual bagi pelajar lelaki dan perempuan di KUiTTHO

- b. H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar yang tinggal di kampus dan yang tinggal di luar kampus dalam menerima perlakuan gangguan seksual

H_A : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar yang tinggal di asrama dan yang tinggal di luar dalam menerima perlakuan gangguan seksual

- c. H_O : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kelayakan akademik pelajar dan pengetahuan mengenai konsep gangguan seksual

H_A : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kelayakan akademik pelajar dan pengetahuan mengenai konsep gangguan seksual

- d. H_O : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kelayakan akademik pelajar dan pengetahuan undang-undang berkaitan gangguan seksual di Malaysia

H_A : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kelayakan akademik pelajar dan pengetahuan undang-undang berkaitan gangguan seksual di Malaysia

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini boleh memberikan gambaran tentang pengetahuan atau kefahaman pelajar terhadap gejala gangguan seksual dan faktor-faktor yang menyebabkan gejala ini terus berlaku. Ini juga turut menyumbang kepada pengetahuan dan data terkini mengenai gambaran sebenar gejala gangguan seksual menurut pandangan pelajar serta tahap kefahaman pelajar mengenai isu gangguan seksual. Hasil dari kajian ini juga dapat digunakan untuk membantu pelajar supaya lebih memahami contoh-contoh tingkah laku yang digolongkan sebagai gangguan seksual.

Bagi pihak KUiTTHO, hasil kajian ini dapat membantu mereka meningkatkan kesedaran sivik di kalangan pelajar mengenai tanggungjawab sosial dan ia juga boleh dijadikan rujukan. Garis panduan yang dihasilkan dapat digunakan untuk menyampaikan pengetahuan dan membantu mengurangkan gejala ini di peringkat awal supaya apabila pelajar menjadi pekerja, mereka tidak melibatkan diri iaitu dengan menjadi punca gejala ini berlaku atau menjadi mangsa gangguan seksual. Ini akan menyebabkan permasalahan gangguan seksual ini dapat terus dibasmi. Selain itu ia juga akan dapat membantu pihak institusi untuk mewujudkan persekitaran yang lebih harmoni kepada para pelajar, pensyarah serta kakitangan KUiTTHO secara keseluruhan.

1.9 Istilah

Takrifan-takrifan seperti di bawah digunakan untuk kajian ini bagi mendapat maksud sebenar istilah dalam tajuk kajian yang dikaji.

1.9.1 Kod Amalan

Satu garis panduan yang dicadangkan oleh kerajaan untuk digunakan oleh semua pekerja di Malaysia. Ia hanya merujuk kepada 'Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja' yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

1.9.2 Gangguan seksual

Gangguan yang dialami oleh mangsa mengikut definisi yang ditetapkan dalam 'Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja' yang dibina oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia

1.9.3 Pelajar

Merujuk kepada para pelajar di KUiTTHO yang menjadi responden.

1.9.4 Stress

Tekanan perasaan yang dialami oleh individu yang boleh mengakibatkan mereka tidak rasional dan mengalami kemurungan.

1.9.5 Psikologi

Kajian tentang proses mental dan pemikiran terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia atau pola pemikiran dan perlakuan seseorang atau sesuatu kumpulan tertentu.

1.9.6 *Feminist* atau feminis

Penyokong feminism iaitu satu gerakan atau fahaman yang menuntut persamaan hak bagi kaum wanita seperti yang dinikmati oleh kaum lelaki.



BAB 2

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pengenalan




Bab ini akan menerangkan mengenai kepentingan bagi pelajar sebagai seorang individu untuk memahami mengenai gangguan seksual serta masalah yang wujud akibat kurangnya pengetahuan yang berkaitan. Teori-teori yang berkaitan dengan kewujudan gangguan seksual juga akan diterangkan di dalam bab ini. Selain itu, faktor-faktor yang menyebabkan para pelajar tidak menganggap isu ini sebagai suatu permasalahan turut diperbincangkan.

2.2 Model dan Teori-Teori Berkaitan

Berikut adalah model dan teori-teori berkaitan dengan gangguan seksual :-

2.2.1 Model Untuk Meramal Gangguan Seksual Yang Dilaporkan

Ia dibina oleh Brooks dan Perot (1991) bertujuan untuk melihat faktor-faktor dan kaitan di antara faktor utama dan kekerapan kejadian yang menyebabkan seseorang individu bertindak untuk melaporkan sebarang kejadian gangguan seksual yang dialaminya.



Rajah 2.1 : Model Untuk Meramalkan Gangguan Seksual Yang Dilaporkan

melampaui batas dan mengancam ketenteramannya. Menangani pula adalah dimaksudkan dengan proses tindak balas terhadap tingkah laku berunsur seks yang tidak dikehendaki dan ia melibatkan cubaan untuk menyelesaiannya, menangani dan mengubah situasi juga cubaan untuk menangani kesan kognitif dan emosi terhadap situasi (fokus terhadap penyelesaian dalaman).

Gangguan seksual terhadap wanita adalah merujuk kepada 3 jenis tingkah laku iaitu *sexual coercion*, *unwanted sexual attention*, and *gender harassment*. *Sexual coercion (quid pro quo harassment)* adalah gangguan berbentuk psikologi dan tertakluk kepada undang-undang. Bagi *gender harassment* dan *unwanted sexual attention* (keadaan persekitaran yang tidak tenteram) untuk digolongkan sebagai gangguan seksual ia mestilah tidak diingini, berlaku secara berulangkali, dan mampu memberi kesan psikologi yang negatif terhadap penerima dan organisasi yang terlibat. Dari perspektif psikologikal, tingkah laku yang terlibat mestilah dianggap oleh penerima sebagai memberikan tekanan dan mengancam ketenteramannya.

2.2.3 Teori Feminis

Ketidak seimbangan kuasa di antara kaum wanita dan lelaki telah wujud sejak dahulu lagi. Keutamaan yang selalu diberikan kepada kaum lelaki dalam apa juga keadaan terutama di dalam organisasi dan diskriminasi yang wujud terhadap kaum wanita yang menjadikan mereka warga kelas kedua telah menyebabkan kemunculan teori feminis. Teori ini merupakan satu kaedah melihat dunia melalui perbezaan jantina, iaitu perbezaan jantina diakui wujud tetapi kewujudannya kurang mendapat pengiktirafan. Teori ini juga berperanan untuk memastikan faktor jantina diberi perhatian yang sewajarnya dalam apa juga keadaan. Teori ini menekankan kepada 4

perkara yang dijadikan dasar iaitu *liberalism* dan *radicalism*, *materialism*, *critique of objectivity* dan *post-structuralism* (Ring, 1999).

Liberalisme merujuk kepada pendapat dan fahaman yang liberal atau yang berfahaman bebas. Kumpulan feminis liberal menyatakan jalan penyelesaian datang dari sistem itu sendiri. Mereka menyarankan supaya kaum wanita patut berusaha untuk mendapatkan perkongsian kuasa dalam organisasi yang dikuasai oleh kaum lelaki. Sementara fahaman radikal atau yang menyokong pembaharuan pula berpendapat emansipasi bagi kaum wanita hanya boleh dilaksanakan dengan melenyapkan organisasi yang dikuasai oleh kaum lelaki ataupun dengan cara memisahkan organisasi tersebut daripada kaum wanita sepenuhnya. Materialism merupakan teori atau kepercayaan bahawa hanya barang kebendaan sahaja yang wujud. *Critique of objectivity* atau *standpoint feminist* menyarankan supaya tindakan-tindakan yang simbolik dilakukan untuk memberi peluang suara mereka didengari oleh masyarakat. Sementara *post-structuralism* atau *postmodern feminist* berpendapat perspektif kaum wanita boleh diketengahkan dengan cara membina semula sistem pemberian makna yang dikuasai oleh kaum lelaki.

Teori Feminis ini sangat berpengaruh dalam isu gangguan seksual. Gangguan seksual dalam organisasi boleh dikaitkan dengan sikap dominasi kaum lelaki terhadap kaum wanita. Kesan-kesan buruk daripada isu gangguan seksual ini telah menyebabkan pembentukan undang-undang bagi menangani masalah tersebut dalam organisasi.

2.3 Undang-Undang Berkaitan Gangguan Seksual

Gangguan seksual merupakan satu istilah yang merujuk kepada bentuk-bentuk tingkah laku yang berunsur seksual, tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu

bentuk gangguan kepada mangsa. Ia boleh wujud dalam apa juga keadaan dan persekitaran. Kajian ini difokuskan kepada kefahaman pelajar KUiTTHO mengenai permasalahan gangguan seksual. Terdapat beberapa pendapat mengenai apa yang dimaksudkan dengan gangguan seksual.

Kementerian Sumber Manusia Malaysia dalam membina Kod Amalan telah mendefinisikan gangguan seksual sebagai sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaannya; atau yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya.

Berdasarkan kepada definisi gangguan seksual dalam Kod Amalan ini ia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertamanya gangguan seksual berbentuk ugutan atau *sexual coercion* dan keduanya gangguan seksual berbentuk ancaman terhadap ketenteraman peribadi atau *sexual annoyance*. Kategori yang pertama adalah gangguan seksual yang berbentuk ugutan yang memberi kesan langsung kepada status pekerjaan seseorang. Kategori yang kedua adalah gangguan seksual berbentuk ancaman kepada ketenteraman peribadi iaitu tingkah laku seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pekerjaan. Walau bagaimanapun tingkah laku itu menimbulkan suasana kerja tidak tenteram kepada mangsa yang terpaksa mengalaminya untuk terus bekerja. Gangguan seksual di antara rakan sekerja adalah termasuk di bawah kategori ini. Begitu juga gangguan oleh pelanggan syarikat terhadap pekerja juga termasuk di dalam kategori yang sama.

Berbeza dengan Malaysia yang hanya mempunyai Kod Amalan yang boleh diguna pakai dalam persekitaran tempat kerja atau pejabat dan hal-hal yang berkaitan dengannya sahaja, di Amerika wujud akta yang tidak hanya tertumpu kepada

persekitaran tempat kerja sahaja tetapi turut memberi tumpuan kepada suasana persekitaran akademik. Ahli-ahlinya iaitu kesemua pekerja, pensyarah, pentadbir dan penuntut dilindungi dengan akta ini . ‘Title VII dalam Civil Right Acts, Section 1983’ dan ‘Title IX of Education Amendment of 1972’, adalah 2 akta yang dengan jelas melarang apa jua tingkah laku unsur seksual apabila ia menjadi syarat berbentuk seksual yang dilakukan secara eksplisit atau implisit ke atas penuntut. Kedua, ia digunakan sebagai asas untuk membuat keputusan pengajian yang berkaitan dengan penuntut tersebut. Ketiga, dalam akta ini ialah tingkah laku itu mengganggu prestasi penuntut, atau menimbulkan suasana yang menggugat dan tidak disenangi oleh penuntut tersebut. Menurut akta ini lagi, dalam konteks akademik, sesuatu tingkat laku akan ditakrif sebagai *quid pro quo* apabila ia tidak diingini, berunsur seksual, dan dijadikan sebagai syarat untuk membuat keputusan ke atas status pengajian penuntut tersebut.

2.4 Sejarah Gangguan Seksual

Sebenarnya kejadian gangguan seksual ini sering berlaku dalam masyarakat di seluruh dunia dan ia tidak hanya tertumpu di dalam bidang pekerjaan yang tertentu sahaja. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan sepanjang tempoh 20 tahun yang lalu yang dijalankan di Amerika didapati gangguan seksual telah berlaku di dalam bidang perniagaan (Fitzgerald, Drasgow, Hulin, Gelfand, & Magley, 1997), bidang pendidikan, badan kerajaan dan bidang ketenteraan. Gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja ini mungkin disebabkan oleh anggapan dan kebiasaan yang telah wujud dalam sesebuah masyarakat. Lelaki biasanya adalah golongan yang dipertanggungjawabkan untuk mencari nafkah bagi sesebuah keluarga dan wanita pula bertindak sebagai suri rumah yang mempunyai tugas untuk mengurus rumah, anak-anak dan keperluan keluarga yang lain seperti makanan dan minuman. Berdasarkan tugas tradisional yang telah ditetapkan bagi wanita dan lelaki menyebabkan lelaki dipandang tinggi dan diiktiraf dalam

melaksanakan sebarang tugas di tempat kerja atau di organisasi. Perubahan besar yang berlaku akibat dari penghijrahan ke bandar dengan tujuan untuk mendapatkan jaminan ekonomi yang lebih baik menyebabkan kaum wanita mula bertukar arah dari melakukan tugas-tugas tradisi kepada tugas-tugas yang selama ini di monopoli oleh kaum lelaki. Hasil dari penghijrahan ini wujud perubahan kepada keseimbangan kuasa di antara lelaki dan wanita. Hal ini mula disedari sejak dahulu lagi iaitu bermulanya revolusi perindustrian di barat. Gangguan seksual adalah salah satu akibat daripada perubahan kuasa ini. Ada kemungkinan, jika gangguan seksual ini dilakukan oleh lelaki ke atas wanita ia adalah sebagai tindakbalas kepada kuasa yang hilang kepada wanita. Sekiranya gangguan seksual ini dilakukan oleh wanita ke atas lelaki ia adalah satu reaksi pembalasan atau percubaan penggunaan kuasa baru.

Kebanyakan masyarakat mempunyai anggapan bahawa lelaki adalah golongan yang lebih berkuasa di dalam organisasi (Farley, 1978) maka perbezaan kuasa dalam bentuk formal ini adalah antara faktor yang menyumbang kepada wujudnya gangguan seksual (McKinney, 1994).

2.5 Persepsi Individu Terhadap Gangguan Seksual

Menurut Bursik (1992) kajian berkaitan gangguan seksual menjadi rumit atau kompleks kerana definisi gangguan seksual biasanya merujuk kepada situasi dan peribadi individu. Selain itu perubahan sosial yang sering berlaku turut memberi kesan kepada tingkah laku yang dianggap atau dikategorikan sebagai gangguan seksual. Menurut Garlick (1994) pula faktor utama yang menentukan gangguan seksual adalah mengikut persepsi seseorang yang berpotensi untuk menjadi mangsa. Hasilnya ia akan menyebabkan individu yang berlainan mentafsirkan perbuatan yang sama secara berbeza.

Ramai pengkaji menyatakan bahawa kebanyakkan wanita tidak melabelkan kebanyakkan perbuatan gangguan yang dialami sebagai gangguan seksual. Menurut Barak, Fisher, & Houston (1992) walaupun ramai wanita menyatakan bahawa mereka pernah mengalami perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual tetapi hanya sebilangan kecil sahaja (di antara 5 dan 10 peratus dari sampel) yang melabelkan pengalaman mereka itu sebagai gangguan seksual. Dalam kajian lain yang dijalankan oleh Bremer, Moore, & Bildersee (1991) menunjukkan bahawa banyak kenyataan yang berpotensi untuk dikategorikan sebagai gangguan seksual tidak dianggap sebagai gangguan seksual oleh kebanyakkan pelajar wanita di kolej atau pusat pengajian tinggi. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Jaschik dan Fretz (1991) didapati kebanyakkan wanita tidak dapat mengenalpasti perbuatan gangguan seksual secara spontan kecuali mereka diminta atau dikehendaki berbuat demikian. Dalam kajian mereka lagi responden dipertontonkan video yang menunjukkan contoh-contoh perbuatan gangguan seksual dan didapati hanya 5% dari responden yang dapat melabelkan perbuatan yang berkaitan sebagai bentuk gangguan seksual dan hampir 98% hanya mengakui sesuatu perbuatan itu adalah gangguan apabila mereka dikehendaki berbuat demikian. Oleh itu mereka berpendapat kebanyakkan wanita yang mengalami gangguan seksual tidak mempunyai maklumat untuk melabelkan pengalaman mereka sebagai gangguan seksual, ini adalah kerana kebanyakkan gangguan seksual tidak dilaporkan, walau bagaimanapun kebanyaknya yang pernah mengalaminya bersetuju jika mereka mempunyai maklumat berkaitan, mereka akan mengkategorikan pengalaman yang dialami itu sebagai gangguan seksual.

Jaschik-Herman dan Fisk (1995) dalam kajiannya merumuskan bahawa wanita yang tidak dapat mengenalpasti dan melabelkan sesuatu perbuatan tersebut sebagai gangguan seksual secara spontan mungkin tidak akan melaporkan sebarang gangguan seksual yang dialami kerana mereka tidak dapat melabelkan pengalaman tersebut sebagai gangguan seksual. Oleh itu mereka berpendapat ini adalah satu bukti yang menunjukkan bahawa satu program khas diperlukan untuk menambah pengetahuan meningkatkan kesedaran berkaitan perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual.

RUJUKAN

(12 Julai 2000). Jalan Penyelesaian Keruntuhan Akhlak. *Berita Harian*.

(1998). *Kamus Dewan*. Selangor. Dewan Bahasa Pustaka.

(31 Julai 2001). Jangan Biar Masalah Sosial Jadi Barah. *Berita Harian*.

Barak, A., Fisher, W., & Houston, S. (1992). Individual difference correlates of the experience of sexual harassment among female university students. *Journal of Applied Social Psychology*, 22, 17-37

Berdahl, J.L.; Magley, V.J., dan Waldo, C.R. (1996). The Sexual Harassment Of Men? Exploring The Concept With Theory And Data. *Psychology Of Women Quarterly*, 20, 527-547

Bernama (19 November 2001). Syarikat buang mangsa gangguan seksual. *Berita Harian*

Bremer, B. A., Moore, C. T., & Bildersee, E. F. (1991). Do you have to call it "sexual harassment" to feel harassed ? *College Student Journal*, 25, 258-268

Brooks, L. dan Perot, A.R. (1991) Reporting Sexual Harassment Exploring A Predictive Model. *Psychology Of Women Quarterly*, 15, 31-47

Bursik, K. (1992). Perceptions Of Sexual harassment In An Academic Context. *Sex Roles*, 27, 401-412.

Cammaert, L. P. (1985). How widespread is sexual harassment on campus ?
International Journal of Women's Studies, 8, 388-397

Carsten, J. M., & Spector, P. E. (1987). Unemployment, job satisfaction, and employee turnover : A meta-analytic test of the Muchinsky model. *Journal of Applied Psychology*, 72, 374-381

Cecilia Ng dan Zanariah Mohd Nor (2001). Keberkesanan Kod Amalan Mencegah dan Membanteras Gangguan Seksual di Tempat Kerja. Kertas Kerja di bentangkan pada 21 September 2001

Cooper, D.R., dan Emory, C.W. (1995). *Business Research Methods*. 5th Ed. Irwin

Crull, P. (1982). Stress effects of sexual harassment on the job : Implications for counseling. *American Journal of Orthopsychiatry*, 52, 539-543

Farley, L (1978). "Sexual Shakedown : The sexual harassment of women on the job". London : Melbourne House; New York : McGraw-Hill

Fitzgerald, L.F., Drasgow, F., Hulin, C.L., Gelfand, M.J., and Magley, V. (1997). Antecedents And Consequences Of Sexual harassment In Organization : A Test Of An Integrated Model. *Journal Of Applied Psychology*, 82, 578-589.

Fitzgerald, L.F., Swan, S., dan Fischer, K. (1995). Why Didn't She Just Report Him? The Psychological And Legal Implications Women's Responses To Sexual Harassment. *Journal Of Social Issues*, 51, 117-138

Garlick, R. (1994). Male And Female Responses To Ambiguous Instructor Behaviors. *Sex Roles*, 30, 135-156

Gillham, B., (2000). *Developing A Questionnaire*. London : Continuum.

Gutek, B. (1985). Gender and the workplace. San Francisco :Jossey-Bass

Gutek, B., dan Koss, M. P. (1993). Changed women and changed organizations : Consequences of and coping with sexual harassment. *Journal of Vocational Behaviour*, 42, 28-48

Hamilton, J.A., Alagna, S.W., King, L. S., & Lloyd, C (1987). The emotional consequences of gender-based abuse in the workplace : New counseling programs for gender discrimination. *Women and Therapy*, 6, 166-182

Hasnira Hassan (10 Januari 2002). 10 Peratus Rakyat Malaysia Sakit Mental. *Berita Harian*

Jaschik, M. L., dan Fretz, B. R. (1991). Women's perceptions and labeling of sexual harassment. *Sex Roles*, 25, 19-23

Jaschik-Herman, M. L., dan Fisk, A. (1995). Women's perceptions and labeling of sexual harassment in Academia before and after the Hill-Thomas Hearings. *Sex Roles*, 33, 439-445

Landell, K. (1997). *Management By Menu*. London : Wiley And Sons Inc. Pg 80-82

Lawler, E.E. (1973). *Motivation in work organizations*. Monterey Ca : A Division of Wadsworth Publishing Company, Inc.

Liou, K., Sylvia, R. D., & Brunk, G. (1990). Non-work factors and job satisfaction revisited. *Human Relations*, 43, 77-86.

Marin, A.J. dan Guadagno, R.E. (1999). Perceptions Of Sexual harassment VictimsAs A Function Of labeling And Reporting. *Sex Roles*, 41, 921-937

Mazer, D.B., dan Percival, E.F. (1989). Ideology Or Perceptions? The relationship Among Perceptions, Attitudes And Experiences Of sexual Harassment In University Students. *Sex Roles*, 15, 333-357

McKinney. K (1994). Contrapower sexual harassment : The effects of student sex and type of behavior on faculty perceptions. *Sex Roles*, 27, 627-643

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor. Universiti Teknologi Malaysia

Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows*. Kuala Lumpur : Venton Publishing.

Noor Hazani Musa (Januari 2002). Mengapa gangguan seksual kurang dilaporkan?. *Wanita*. 104 – 106

Organ, D. W., & Konovsky, M. (1989). Cognitive versus affective determinants of organizational citizenship behavior. *Journal of Applied Psychology*, 74, 157-164

Powell, G.N. (1986). Effects Of Sex Role Identity And Sex On Definitions Of Sexual Harassment. *Sex Roles*, 14, 9-19

Reber, A.S. (1995). *Cronbach's Alpha*. The Penguin Dictionary Of Psychology.

Reilly, M.E., Lott, B., dan Gallogly, S. (1986). Sexual harassment Of University Students. *Sex Roles*, 15, 333-357

Ring, J. (1999). Feminist Theory As Seeing. In Whitaker, L.D (Ed.), *Women In Politics Outsites Or Insides*. (pp. 1-15) 3rd Ed. Prentice Hall.

Sabitha Merican (2 September 1999). Punca Gangguan Seksual di Tempat Kerja. *Utusan Malaysia*

Sabitha Merican (2001). Gangguan seksual di Institusi Pengajian Tinggi. *Pemikir*

Salleh Buang (7 September 1999). Kod Amalan Bukan Undang-Undang. *Utusan Malaysia*

Scott, K. D., & Taylor, G. S. (1985). An examination of conflicting findings on the relationship between job satisfaction and absenteeism : A meta-analysis. *Academy of Management Journal*, 28, 599-612

Stockdale, M.S. (1998). The Direct And Moderating Influences OF Sexual – Harassment Pervasiveness, Coping Strategies, And Gender On Work – Related Outcomes. *Psychology Of Women Quarterly*, 22, 521-535

Zastrow, C., (2000). *Social Problems Issues and Solutions*. 5th Ed. Wadsworth Thomson Learning, pg. 2